

MPK rai kakitangan cemerlang

UTUSAN MALAYSIA 6/4/2018

KUANTAN 5 April - Seramai 102 kakitangan Majlis Perbandaran Kuantan (MPK) menerima penghargaan setelah menunjukkan prestasi cemerlang sepanjang tahun lalu.

Yang Dipertua MPK, Datuk Fadzilla Salleh berkata, pihak berkuasa tempatan (PBT) berkenaan sentiasa menghargai pekerjaanya yang menunjukkan komitmen tinggi dalam perkhidmatan sepanjang tahun lalu.

Beliau berkata, kejayaan tersebut akan menjadi contoh dan pendorong kepada kakitangan MPK lain untuk berkhidmat dengan lebih baik.

"Saya berharap kecemerlangan ini dikekalkan dan menjadi pence-

tus kepada kejayaan lebih besar pada masa akan datang," katanya dalam Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang/Pekerja Terbaik MPK 2017 di Ibu pejabat MPK, di sini hari ini.

Perasmian majlis itu disempurnakan Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Seri Muhammad Safian Ismail.

Yang turut hadir, Setiausaha MPK, Hamiza Hamzah.

Pada majlis itu Pembantu Tadbir (P/O) Kanan Gred N22, Ahmad Notizan Abdul Karim menerima Anugerah Khas YDP 2017 kategori lelaki apabila mempamerkan daya kerja yang baik setelah enam kali menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan satu kali

Anugerah Perkhidmatan Setia.

Norkamawati Kamal, 45, yang merupakan Pegawai Tadbir Gred N41 dan Ketua Bahagian Korporat Jabatan Pengurusan dan Penguatkuasaan MPK pula menerima Anugerah Khas YDP 2017 bagi kategori wanita.

Norkamawati berkata, pemilihannya itu menjadi pendorong baginya untuk memberi perkhidmatan terbaik.

"Saya tidak menjangkakan dipilih menerima anugerah ini memandangkan ramai yang dirasakan layak untuk kategori ini.

"Saya bersyukur kerana niat bekerja dengan ikhlas adalah lebih utama," katanya.



KAKITANGAN Majlis Perbandaran Kuantan (MPK) menerima penghargaan dalam Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang/Pekerja Terbaik MPK 2017 di Kuantan, Pahang, semalam.